

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR)

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) kepada nelayan di Sabah dari RM300 kepada RM500 memandangkan kenaikan kos sara hidup dan harga barangan yang lebih tinggi berbanding Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Januari 2019, pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) telah diseragamkan dengan kadar bayaran RM200 kepada pemilik vesel zon A dan pekerja vesel zon A, B, C dan C2 yang layak dan bermula Januari 2020, pemberian ESHN telah dinaikkan kepada RM250 manakala pada tahun 2021 kadar bayaran dinaikkan lagi kepada RM300 sebulan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) buat masa ini masih mengekalkan pemberian ESHN kepada nelayan tulen secara bersasar. MAFI akan sentiasa mengkaji mekanisme dan kaedah yang terbaik bagi menyalurkan bantuan khususnya untuk menangani kenaikan kos sara hidup nelayan. Sebarang kenaikan ESHN ini mengambil kira kesesuaian dan keperluan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.